



## AMAZING NOVA SEARCH BERSAMA HUAWEI DI ERA TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

### A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	ASTRO RADIO SDN BHD
2.	Stesen Radio	ERA
3.	Nama Peraduan	Amazing Nova Search bersama Huawei di ERA
4.	Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan	Ini adalah peraduan Amazing Nova Search Bersama Huawei di ERA untuk peluang memenangi Huawei Nova 4.
5.	Mekanisme ringkas Peraduan	<p>Peserta perlu mendaftar di laman web ERA <a href="http://era.je/">http://era.je/</a> ("Pendaftaran Atas Talian") atau mendaftar di Huawei Stores tertentu di Sunway Pyramid, IOI City Mall, Queensbay Mall, Aeon Kinta City, Plaza Angsana JB, Mahkota Parade Melaka, Imago Kota Kinabalu atau Pavilion KL, bergantung pada tarikh Peraduan ("Pendaftaran Di Lokasi") untuk menyertai Peraduan ini, berdasarkan Prosedur Penyertaan di bawah.</p> <p>Semua Peserta yang berdaftar melalui Pendaftaran Atas Talian dan Pendaftaran Di Lokasi perlu hadir di Huawei Stores tertentu di lokasi yang dinyatakan di bawah pada tarikh tertentu sebelum pukul 11.45 pagi. Peraduan ini akan diadakan pada tarikh, masa dan lokasi berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. 14 Februari 2019 (12tghr hingga 1ptg) - Sunway Pyramid</li><li>2. 16 Februari 2019 (12tghr hingga 1ptg) – IOI City Mall</li><li>3. 17 Februari 2019 (12tghr hingga 1ptg) – Queensbay Mall</li><li>4. 17 Februari 2019 (3ptg hingga 4ptg) – Aeon Kinta City</li><li>5. 23 Februari 2019 (11pg hingga 12 tghr) – Plaza Angsana, JB</li><li>6. 23 Februari 2019 (6ptg hingga 7mlm) – Mahkota Parade, Melaka</li><li>7. 2 Mac 2019 (12tghr hingga 1ptg)) – Imago, Kota Kinabalu</li><li>8. 2 Mac 2019 (12tghr hingga 1ptg)) – Pavilion KL</li></ol> <p>Peserta yang telah berdaftar perlu berkongsi satu pos di akaun Facebook peribadinya dengan kapsyen yang dinyatakan di Facebook "Huawei Mobile MY" sebelum memulakan carian dan menunjukkan bukti kepada Penganjur atau wakil yang dibenarkan di Huawei Stores tertentu. Tetapan privasi profil pos Peserta mestilah ditetapkan sebagai awam semasa dan selepas Tempoh Peraduan.</p> <p>Kemudian, Peserta yang telah berdaftar perlu mencari empat (4) Special Ejen Nova di sekitar pusat membeli-belah dalam masa yang dinyatakan di atas dan mengumpul kad individu dari agen masing-masing.</p> <p>Untuk menerima kad, Peserta yang telah berdaftar perlu bertanya kepada Special Ejen Nova "Adakah anda pengguna Nova 4 yang BARU?"</p> <p>Empat (4) kad yang perlu likumpul akan menyatakan "N", "O", "V", "A".</p> <p>Akan ada lapan (8) pemenang di lokasi pertama (Sunway Pyramid) dan lokasi terakhir (Pavilion, KL) dan lima (5) pemenang di lokasi-lokasi yang lain pada setiap tarikh Peraduan dan pemenang adalah lapan (8) Peserta berdaftar di Sunway Pyramid &amp; Pavilion KL dan lima (5) Peserta berdaftar di lokasi-lokasi lain yang pertama untuk mengumpul kad yang paling banyak</p>

		dalam masa yang diberikan & hadir di Huawei Experience Stores tertentu pada akhir masa yang diberikan.  Peserta mesti mematuhi mekanisme Peraduan seperti yang diubah, dipinda atau diberitahu oleh Penganjur dalam Tempoh Peraduan.
6.	<b>Kriteria Kelayakan</b>	a) Peraduan ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang mencapai Umur Kelayakan seperempatan dinyatakan di bawah.  b) Peserta mestilah seorang warganegara Malaysia dan memiliki Kad Pengenalan Malaysia yang sah.
7.	<b>Ketidaklayakan</b>	Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: -  (a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor/Pembekal-Pembekal dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Entertainment Sdn Bhd, Astro Production Sdn Bhd, Astro Digital 5 Sdn Bhd dan Astro Malaysia Holdings Berhad, penaja Peraduan dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka.  (b) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,000 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum menyertai Peraduan ini.  (c) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,001 – RM5,000 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum menyertai Peraduan ini.  (d) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM5,001 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari sebelum menyertai Peraduan ini.
8.	<b>Umur Kelayakan</b>	a) Peraduan ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 14 Februari 2019.  b) Dalam situasi di mana Peserta di bawah umur 18 tahun dibenarkan menyertai Peraduan ini, Peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga Peserta untuk memasuki Peraduan ini dan menerima Hadiah. Pihak Penganjur menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga Peserta di bawah umur 18 tahun untuk memantau penyertaan Peserta di dalam Peraduan ini. Ibu bapa atau penjaga mungkin, tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemnititi dalam bentuk yang dikehendaki oleh pihak Penganjur sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan Hadiah Peserta di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.
9.	<b>Caj</b>	Tidak berkenaan.
10.	<b>Tempoh Peraduan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. 14 Februari 2019 (12tghr hingga 1ptg) - Sunway Pyramid</li> <li>2. 16 Februari 2019 (12tghr hingga 1ptg) – IOI City Mall</li> <li>3. 17 Februari 2019 (12tghr hingga 1ptg) – Queensbay Mall</li> <li>4. 17 Februari 2019 (3ptg hingga 4ptg) – Aeon Kinta City</li> <li>5. 23 Februari 2019 (11pg hingga 12 tghr) – Plaza Angsana, JB</li> <li>6. 23 Februari 2019 (6ptg hingga 7mlm) – Mahkota Parade, Melaka</li> <li>7. 2 Mac 2019 (12tghr hingga 1ptg) – Imago, Kota Kinabalu</li> <li>8. 2 Mac 2019 (12tghr hingga 1ptg) – Pavilion KL</li> </ol> <p>Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menangguhkan Tempoh Peraduan atau mana-mana tarikh, atau menetapkan tarikh baru mengikut budi bicara mutlaknya.</p>

11.	<b>Bahasa Peraduan</b>	Bahasa Malaysia
12.	<b>Prosedur Penyertaan</b>	<p><b>PENDAFTARAN ATAS TALIAN</b>            Layari laman web ERA di <a href="http://era.je/">http://era.je/</a>, isi butiran anda dan pilih tarikh, masa dan lokasi Peraduan untuk mendaftar. Peserta yang telah mendaftar di atas talian akan menerima goodie bag dari Huawei bernilai RM50 pada tarikh &amp; masa Peraduan yang dinyatakan.</p> <p><b>PENDAFTARAN DI LOKASI</b>            Peserta mestilah hadir di Huawei Stores tertentu pada tarikh Peraduan, 15 minit sebelum pencarian bermula dan sebelum Tarikh Tutup Penyertaan di bawah untuk mendaftar. Penyertaan adalah berdasarkan pada siapa cepat dia dapat dahulu.</p> <p>Pihak Penganjur berhak untuk meminta Peserta mengemukakan Kad Pengenalan asal atau dokumen/bahan sokongan lain yang asal untuk tujuan pengesahan.</p>
13.	<b>Tarikh Tutup Penyertaan</b>	<p><b>PENDAFTARAN ATAS TALIAN</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. 13 Februari 2019 (12tghr) - Sunway Pyramid</li> <li>2. 15 Februari 2019 (12tghr) – IOI City Mall</li> <li>3. 16 Februari 2019 (12tghr) – Queensbay Mall</li> <li>4. 16 Februari 2019 (3ptg) – Aeon Kinta City</li> <li>5. 22 Februari 2019 (11pg) – Plaza Angsana, JB</li> <li>6. 22 Februari 2019 (6ptg) – Mahkota Parade, Melaka</li> <li>7. 28 Feb 2019 (3.30ptg) – Imago, Kota Kinabalu</li> <li>8. 28 Feb 2019 (3.30ptg) – Pavilion KL</li> </ol> <p><b>PENDAFTARAN DI LOKASI</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>9. 14 Februari 2019 (11:45pg) - Sunway Pyramid</li> <li>10. 16 Februari 2019 (11:45pg) – IOI City Mall</li> <li>11. 17 Februari 2019 (11:45pg) – Queensbay Mall</li> <li>12. 17 Februari 2019 (2:45ptg) – Aeon Kinta City</li> <li>13. 23 Februari 2019 (10:45pg) – Plaza Angsana, JB</li> <li>14. 23 Februari 2019 (5:45ptg) – Mahkota Parade, Melaka</li> </ol>
14.	<b>Cara Penghantaran</b>	Di lokasi terpilih seperti di atas.
15.	<b>Alamat</b>	All Asia Broadcast Centre Malaysia Technology Park Bukit Jalil 57000 Kuala Lumpur Malaysia
16.	<b>Pemilihan Pemenang</b>	<p><b>LOKASI PERTAMA (SUNWAY PYRAMID) DAN LOKASI TERAKHIR (PAVILION KL)</b>            Lapan (8) Peserta berdaftar pertama yang mengumpul paling banyak kad dalam masa yang dinyatakan akan menang.</p> <p><b>LOKASI-LOKASI LAIN</b>            Lima (5) Peserta berdaftar pertama yang mengumpul paling banyak kad dalam masa yang dinyatakan akan menang.</p>
17.	<b>Hadiah</b>	Satu (1) telefon Huawei Nova 4 untuk setiap pemenang
18.	<b>Pemakluman Pemenang</b>	Nama pemenang akan diumumkan di lokasi terpilih seperti di atas selepas Peraduan.
19.	<b>Tempoh Pengambilan Hadiah</b>	Lima (5) hari bekerja dari tarikh Peraduan.
20.	<b>Tempat Pengambilan Hadiah</b>	Akan dimaklumkan oleh pihak Penganjur
21.	<b>Terma-terma tambahan, jika ada</b>	Peraduan ini tidak sama sekali ditaja, disokong, ditadbir oleh, atau dikaitkan dengan, Facebook. Peserta memahami bahawa anda memberikan maklumat anda kepada pihak Penganjur dan/atau penaja Peraduan dan bukan Facebook.

	<p>Semua Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar kepada atau dijual dalam apa jua cara untuk apa-apa barang, hadiah atau wang tunai.</p> <p>Semua Hadiah diterima atas risiko Peserta dan dianugerahkan oleh Penganjur dan/atau penaja tanpa apa-apa jaminan. Sekiranya Hadiah mengandungi sebarang makanan atau minuman, apa-apa kesan daripada mana-mana makanan atau minuman yang termasuk dalam Hadiah (termasuk tetapi tidak terhad kepada keracunan makanan, mabuk, sakit, atau tindak balas alergi) bukan kesalahan atau tanggungjawab Penganjur dan/atau penaja. Peserta secara nyata dan secara sukarela mengambil risiko yang berkaitan dengan pengambilan makanan atau minuman yang termasuk dalam Hadiah.</p> <p>Panel hakim (jika berkenaan) akan ditentukan berdasarkan budi bicara mutlak pihak Penganjur dan/atau penaja. Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan mana-mana Peserta untuk apa jua sebab, dan apa-apa keputusan oleh hakim, Penganjur dan/atau penaja yang berkaitan dengan Peraduan adalah muktamad dan Penganjur dan/atau penaja tidak akan melayan apa-apa rayuan oleh Peserta terhadap keputusan tersebut.</p> <p>Semua kos dan perbelanjaan Peserta semasa Peraduan (termasuk tetapi tidak terhad kepada pengangkutan ke dan dari mana-mana tempat, makanan dan minuman, semua perkara yang bersifat peribadi) harus ditanggung oleh Peserta.</p> <p>Peserta bersetuju untuk menyerahhukkan kepada dan memberikan Penganjur, penaja Peraduan ini dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka, hak mutlak dan lesen untuk seluruh dunia (yang kekal, tanpa royalti, tidak eksklusif dan yang boleh dilesenkan) untuk menggunakan, membuat salinan, meminda, mengubahsuai, menyesuaikan, menerbitkan, menterjemah, membuat karya terbitan daripada, mengedari, melaksanakan, bermain, membuat tersedia kepada orang awam, dan melaksanakan semua hak cipta dan publisiti berkenaan dengan foto/video yang diambil atau dirakam semasa Peraduan dan Peserta mengetepikan apa-apa hak moral dalam foto/video tersebut. Penganjur, penaja Peraduan ini dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka hendaklah mempunyai hak tunggal (tetapi tidak ada kewajipan) untuk menggunakan, memuat naik atau menyiar kan foto/video tersebut dan/atau memasukkannya dalam karya lain dalam mana-mana media dan platform mengikut budi bicara mutlaknya untuk sebarang tujuan termasuk tujuan pengiklanan dan pemasaran tanpa apa-apa bayaran royalti kepada Peserta.</p>
--	--

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** (secara kolektif, "Terma dan Syarat") akan mengikat semua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("Peserta"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma dan Syarat secara tanpa syarat oleh para Peserta.

### PENGAKUAN

Saya, \_\_\_\_\_ (No. K/P: \_\_\_\_\_), telah membaca dan memahami Terma dan Syarat yang dinyatakan di atas dan dengan ini menerima dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat. Saya juga menjamin dan mengisyiharkan bahawa saya layak menyertai Peraduan ini dan tidak kehilangan kelayakan mengikut Perkara 7 di atas.

Tarikh:

